



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN (PERSEKUTUAN)
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

KENYATAAN TENDER

Perihal : Tender ini dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan eP enabled bagi menyertai :

PERLUASAN DAN PENAMBAHBAIKAN PELAKSANAAN SECURED LAND MANAGEMENT SYSTEM (SELAMAT) DALAM URUSAN PENTADBIRAN TANAH DI UNIT PENDAFTARAN, PEJABAT TANAH & GALIAN DAN PEJABAT TANAH & DAERAH DI NEGERI JOHOR, SELANGOR, KEDAH, TERENGGANU & LOKASI TERPILIH DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Tarikh Pendaftaran	Nombor Tender	Tarikh Tutup Tender	Kod Bidang
07 Julai 2014 – 31 Julai 2014	JKPTG T05/2014	31 JULAI 2014	210101, 210102, 210103, 210104, 210105, 210106

Petender-Petender adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri sepenuhnya sesi taklimat tender dan digalakkan personel teknikal untuk hadir sama. **Petender dikehendaki membawa bersama Sijil Pendaftaran Asal daripada Kementerian Kewangan (sila sertakan satu salinan fotostat untuk simpanan jabatan) untuk tujuan pendaftaran Telecenter semasa sesi taklimat.** Hanya petender yang menghadiri sepenuhnya sesi taklimat sahaja LAYAK MENYERTAI tender ini. Kegagalan petender untuk hadir akan menyebabkan hilang kelayakan menyertai tender. Sesi taklimat tersebut akan diadakan pada butiran seperti berikut:

Tarikh : 10 Julai 2014 (Khamis)
Masa : 09.30 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Jati,
Aras 3, Blok Menara, Wisma Sumber Asli,
No 25, Persiaran Perdana, Presint 4, 62574 Putrajaya.

Pendaftaran Tender

Dokumen tender boleh didapati di website www.eperolehan.gov.my. Bagaimanapun, hanya senarai Petender yang menghadiri taklimat sahaja akan didaftarkan di Telecenter **Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (Persekutuan), Unit Kewangan, Aras 2, Podium 1, Wisma Sumber Asli, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4, 62574 Putrajaya.** Hanya syarikat yang menghadiri taklimat sahaja dibenarkan membuat pendaftaran untuk menyertai tawaran. **Syarikat induk atau anak syarikat petender yang tidak menghadiri taklimat tender tidak dibenarkan membuat pendaftaran bagi menyertai tawaran.**

Waktu Urusan adalah seperti berikut:

HARI	WAKTU
Isnin hingga Khamis ,Jumaat	8.30 pagi – 12.30 tengahari dan 2.30 petang – 4.30 petang
	8.30 pagi – 12.00 tengahari dan 3.00 petang – 4.30 petang

Petender hendaklah mengambil perhatian bahawa setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (one-time payment) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak kosong perpuuluhan lapan peratus (0.8%) dengan had maksimum RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih ; atau

Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (multiple payment) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak kosong perpuuluhan empat peratus (0.4%) dengan had maksimum RM4,800 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih.

Semua tawaran hendaklah dikunci masuk (key-in) ke website www.eperolehan.gov.my dan dimasukkan ke dalam peti tender di **Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (Persekutuan), Seksyen Pentadbiran dan Kewangan, Aras 2, Podium 1, Wisma Sumber Asli, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4, 62574 Putrajaya sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari** pada tarikh tender ini ditutup. Dokumen tender yang diterima selepas daripada tarikh dan masa yang ditetapkan, bersabit daripada apa-apa punca sekalipun, tidak akan dipertimbangkan.